

Langkawi, Labuan, Tioman bebas cukai

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik status Pulau Bebas Cukai (PBC) di Pulau Langkawi, Labuan dan Tioman.

Bagaimanapun bagi memben-dung ketirisan hasil cukai, Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani memberitahu, kerajaan telah menstrukturkan semula saluran jualan rokok dan minuman keras berkuat kuasa 1 November lalu.

"Melalui langkah ini jualan rokok dan minuman keras dihadkan kepada kedai bebas cukai (KDC) yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Selain itu JKDM turut me-nambah baik pelaksanaan lang-kah tersebut dengan membe-narkan penjualan produk rokok dan minuman keras bebas cukai secara loose pack di kedai runcit, kedai kopi, restoran dan kafeteria yang berdaftar dengan JKDM," katanya ketika menjawab soa-lan **Senator Wilfred Yong Chen Leong** di Dewan Negara hari ini.

Menurut Johari, bagi kawalan ke atas kenderaan pula, pergera-kan keluar kenderaan berdaf-tar ke kawasan utama kastam (KUK) untuk semua kenderaan

penumpang berkapasiti ^{UTUSAN} enjin kurang daripada 2,500cc dan ke bawah serta kenderaan penum-pang tidak perlu mengemuka-kan jaminan bank dan memadai mengemukakan bon am sahaja.

Katanya, kenderaan penum-pang berkapasiti enjin melebihi 2,500cc pula hendaklah menge-mukakan jaminan bank sebanyak 50 peratus daripada nilai cukai.

"Selain itu, sekatan 30 hari bagi setiap perjalanan sehingga maksimum 90 hari setahun telah dipinda kepada tidak lebih 90 hari setahun," jelasnya.